

HARIAN METRO – 22 JANUARY 2014

NHF SEIZES BUSINESS OPPORTUNITIES

NHF ambil peluang bisnes

New Hoong Fatt Holdings Berhad (NHF) menyatakan kesediaannya mengeksploitasi pertumbuhan pasaran berkaitan automotif global pada bila-bila masa selepas kejayaannya pada Pameran Perdagangan Automekanika Shanghai 2013.

Pengarah Urusannya Chin Jit Sin berkata, jalinan antara pemain industri antarabangsa terbentuk melalui pameran berkenaan termasuk Bisnes ke Bisnes (B2B) membolehkan kumpulan itu memantau teknologi serta peralatan sesuai bagi keseluruhan pasaran dunia.